

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Jabatan Pendaftar
Sent: 27 Ogos 2021 18:30
To: UUM - All Staff
Subject: URUSAN SURAT-MENYURAT DAN KIRIMAN BUNGKUSAN (PARCEL) PERIBADI STAF



27 OGOS 2021
18 MUHARRAM 1443H

URUSAN SURAT-MENYURAT DAN KIRIMAN BUNGKUSAN (PARCEL) PERIBADI STAF

Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Untuk makluman Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./tuan/puan, sejak pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN), semua urusan penerimaan surat dan kiriman bungkusan dari pihak luar Universiti telah dipusatkan di Jabatan Pendaftar. Ianya bertujuan untuk meminimumkan pergerakan pihak luar di dalam kampus bagi membendung penularan virus COVID-19.

Kebelakangan ini Jabatan Pendaftar banyak menerima surat dan bungkusan peribadi staf. Memandangkan bahawa jumlah yang diterima ini adalah banyak, maka dibimbangi surat atau bungkusan ini akan tercicir, hilang atau rosak terutamanya bagi barangan yang bernilai tinggi. Di samping itu, urusan ini juga boleh meningkatkan risiko jangkitan COVID-19 terhadap staf yang menguruskannya kerana perlu berurusan dengan banyak pihak.

Sehubungan dengan itu, Y. Bhg. Dato'/Prof./tuan/puan dipohon agar dapat mengalamatkan semua surat atau kiriman bungkusan peribadi ke alamat kediaman masing-masing kecuali bagi hal yang melibatkan urusan rasmi sahaja dibenarkan untuk menggunakan alamat di Universiti.

Semoga dengan kerjasama Y. Bhg. Dato'/Prof./Dr./tuan/puan, kampus Universiti akan lebih selamat dan terhindar dari jangkitan wabak COVID-19.
Sekian, terima kasih.

Pendaftar
Universiti Utara Malaysia



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.